

Yang di-Pertuan Agong ke-12 diumumkan dalam tempoh sebulan

UM 2 2 Nov 2001

KUALA LUMPUR, 21 Nov. — Yang di-Pertuan Agong ke-12 akan diumumkan oleh Majlis Raja-Raja Melayu dalam tempoh empat minggu daripada kemangkatan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sepanjang tempoh kekeoangan itu, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin akan menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

Menurutnya, Majlis Raja-Raja berkuasa penuh dalam menentukan Yang di-Pertuan Agong yang baru, tanpa sebarang pembabitian kerajaan.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, bakal Yang di-Pertuan Agong akan diputuskan berdasarkan kekananan mengikut giliran.

Menurutnya, Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak semestinya secara automatik dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

“Berdasarkan kekananan, giliran sekarang ialah Raja Perlis. Bagaimanapun, Majlis Raja-Raja akan memutuskan siapa Yang di-Pertuan Agong ke-12,” katanya kepada *Utusan*.

Kemangkatan Sultan Salahuddin diumumkan oleh Dr. Mahathir petang ini. Seri Paduka berusia 75 tahun.

Tanggungjawab

Mengulas lanjut Rais berkata, fungsi Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah menjalankan tugas sewaktu Yang di-Pertuan Agong sakit, tidak boleh berfungsi atau sehingga Yang di-Pertuan Agong kembali ke tanah air.

Tanggungjawab itu dijalankan di bawah Seksyen 3 Akta Fungsi Yang di-Pertuan Agong 1957 dan tugas-tugas lain semasa Seri Paduka di luar negara.